

WORK VS STUDY : PENGALAMAN PELAJAR SARJANA KAUNSELING UNIMAS KOHOT JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK

Jamayah Saili, Ashard Samshu, Geraldine Janely Doris Ak Peter Kulai, Sharifah Rafidah Wan Razali

Faculty of Cognitive Sciences and Human Development,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
Corresponding author: sjamayah@unimas.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman kaunselor pelatih kohot JKM yang sedang mengikuti program Sarjana Kaunseling UNIMAS. Kajian ini berbentuk kualitatif terdiri daripada enam peserta kajian yang menerima Hadiah Latihan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Kaedah kajian yang digunakan adalah temubual semi-berstruktur dan data dianalisis menggunakan Analisis Bertema. Hasil dapatan menunjukkan tema utama adalah berkaitan dengan faktor pengalok untuk melanjutkan pelajaran, kesediaan dan penyesuaian, isu dan cara mengatasi cabaran yang dihadapi. Implikasi serta cadangan penambahbaikan terhadap program serta penaja turut dibincangkan.

Kata kunci: sarjana kaunseling, HLDP, perkhidmatan awam negeri Sarawak, kaunselor pelatih, UNIMAS

PENGENALAN

Meskipun perkembangan perkhidmatan kaunseling semakin penting, namun perkhidmatan kaunseling di Malaysia juga menghadapi cabaran dalam membangunkan profesion kaunselor terutama dalam aspek memberi latihan dan perkhidmatan serta untuk mencapai identiti profesional. Fokus utama kajian ini adalah cabaran yang dihadapi oleh seramai limabelas pegawai yang mendapat tajaan Hadiah Latihan Dalam Perkhidmatan (HLDP) daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang mengikuti pengajian Sarjana Kaunseling separuh masa selama 30 bulan di UNIMAS. Di samping perlu menghadiri kuliah pada setiap Sabtu dan Ahad, mereka juga perlu menjalani latihan praktikum dan internship sebagai syarat wajib lulus. Cabaran wujud apabila mereka perlu menggalas dua tanggungjawab iaitu sebagai seorang penjawat awam dan juga sebagai kaunselor pelatih.

Dalam konteks profesion kaunseling, pengalaman dan latihan adalah perkara yang berbeza tetapi saling berkaitan. Ini kerana pengalaman adalah pengetahuan yang bersifat empirikal (Khalid, Zurida, Shuki & Ahmad Tajuddin, 2009) dan latihan pula adalah yang bersifat teoretikal di mana setiap apa yang dipelajari akan diaplikasi semasa berada dalam persekitaran tempat latihan.

Bidang kaunseling yang menyeluruh dapat memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berkesan. Ini kerana program latihan, pendidikan dan latihan amali, praktikum dan internship yang terkandung dalam kurikulum latihan kaunselor adalah asas utama bagi membentuk kaunselor yang profesional (Nor Safrin Fadzilah & Rahimi, 2009). Tanpa adanya kompenan latihan kaunselor yang efektif, adalah mustahil untuk memastikan kerjaya ini boleh terus berkembang maju.

**** Paper presented for Research Bulletin, Psychology & Counseling, Sarawak Civil Services, Bil 1, 2018, State Human Resource Unit, Chief Minister's Department, Kuching. ISSN 2637-0409.**